AUTHOR: No author available SECTION: KOSMO 2 PAGE: 21 PRINTED SIZE: 250.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,488.00 ITEM ID: MY0052166064

20 MAR, 2023

Rawat kesan gas rumah hijau secara lebih efisyen

Kosmo, Malaysia

Rawat kesan gas rumah hijau secara lebih efisyen

PENGLIBATAN semua pihak bagi membantu negara mencapai pertumbuhan mampan dalam agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (ESG) amat diperlukan.

Menyedari akan kepentingan itu, TNB Research Sdn. Bhd. sebagai sebuah institusi penyelidikan amat menekankan agenda ESG.

Pengarah Urusannya, Dr. Mohd. Hariffin Boosroh berkata, secara umum, banyak projek-projek yang dilaksanakan pihaknya berkaitan dengan ESG.

Menurutnya, pihaknya amat mementingkan pemuliharaan flora dan fauna terutamanya berkaitan dengan projek TNB yang memberi kesan besar seperti hidroelektrik dan stesen janakuasa.

MOHD. HARIFFIN

"Untuk tujuan itu kami mempunyai unit dan penyelidik yang memberi fokus kepada pemeliharaan alam sekitar.

"Begitu juga dalam konteks pemanasan global dan pelepasan karbon.

"Kami telah membangunkan banyak projek-projek untuk menangani perkara itu.

"Antaranya seperti penggunaan tenaga solar dan alternatif bahan api seperti biomass, hidrogen dan lain-lain lagi," katanya.

Kini, pihaknya sedang membangunkan teknologi bagi merawat kesan pelepasan gas rumah hijau secara lebih efisien agar tidak terlepas ke udara sehingga memberi kesan kepada pemanasan global.

Dalam pada itu, Mohd. Hariffin memberitahu bahawa pihaknya turut menekankan aspek sosial kepada komuniti setempat yang menerima kesan daripada projek-projek hidroelektrik yang besar.

"Aspek sosial ini meliputi semua lapisan masyarakat tidak semestinya di kawasan terpencil.

"Malah, kami menjaga aspek sosial di kawasan-kawasan bandar yang mungkin terkesan kerana stesen janakuasa TNB.

"Kami ada pasukan yang menjalankan aktiviti pemantauan bagi mengurus dan mengurangkan kesan berkenaan kepada masyarakat sekeliling," jelasnya.

Ketika ini, TNB Research sedang giat menjalankan aktiviti sosial terhadap Projek Hidroelektrik Nenggiri di Kelantan yang memberi kesan kepada penduduk setempat khususnya Orang Asli di situ.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.